

# PENDAFTARAN PELAJAR BARU KUKUM DAN MINGGU SUAIKENAL SIDANG 2003/04.

Tanggal 31 Mei 2003 merupakan tarikh yang bermakna bagi semua warga Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Pada tarikh ini KUKUM telah menerima kemasukan pelajar-pelajar baru untuk kemasukan kali kedua seramai hampir 500 orang pelajar pelbagai jurusan pengajian. Antaranya ialah Kejuruteraan Sistem Elektrik, Kejuruteraan Mekatronik, Kejuruteraan Bahan dan Metarlugi, Kejuruteraan Pembuatan dan sebagainya. Bagi sidang akademik 2003/04, sebanyak 10 program pengajian telah ditawarkan.

Pendaftaran pelajar telah diadakan di Kolej Kediaman B & C, Kuala Perlis bermula jam 8.00 pagi dan berakhir pada 5.00 petang. Ada 15 antara pelajar yang datang lebih awal terutamanya yang datang dari Sabah, Sarawak serta pelajar dari Pantai Timur. Pihak KUKUM telah memperkenalkan satu program bagi memperkenalkan negeri Perlis untuk para ibu bapa yang datang iaitu Program Semalam Di Perlis. Program ini adalah untuk memberi peluang kepada ibu bapa melawat negeri Perlis di samping memperkenalkan KUKUM. Antara aktiviti yang disediakan ialah jamuan makan malam serta persembahan kebudayaan negeri Perlis dan taklimat mengenai KUKUM. Program ini dirasmikan oleh Yg. Bhg. Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM.

Pelbagai program dan aktiviti telah disusun oleh Jawatankuasa Minggu Suaikenal bagi membantu para pelajar menyesuaikan diri dengan keadaan dan persekitaran baru sebagai mahasiswa dan mahasiswa KUKUM. Antara program yang telah disusun ialah Taklimat PTPN, Taklimat Pusat Pengajaran, Taklimat Jabatan Keselamatan, Jabatan Pendaftar, Perpustakaan serta taklimat kursus keperluan universiti, dan juga Forum Akademik, Debat Ala Parlimen dan lawatan ke semua kampus KUKUM. Pelajar juga didedahkan dengan masyarakat setempat iaitu dengan menyertai Program Jalan Kaki 5 km dari Kuala Perlis ke Kuala Sungai Baru.

Satu program yang amat berguna telah disediakan oleh pihak urusetia bagi menyuntik semangat para pelajar iaitu Program Bersama Tokoh. Tokoh yang dijemput kali ini ialah tokoh yang banyak berjasa dan yang memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan KUKUM di negeri Perlis. Tokoh yang dimaksudkan tersebut tidak lain tidak bukan orang yang paling disayangi oleh warga KUKUM iaitu Y.A.B Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis. Banyak nasihat dan saranan berguna yang disampaikan oleh beliau yang berkisar mengenai 'Mahasiswa Berkualiti Untuk Masa Depan Negara'.

Para pelajar baru juga berkesempatan menyaksikan hari bersejarah KUKUM dan turut membantu bagi menjayakan Majlis Pecah Tanah Kampus Tetap KUKUM yang diadakan di Ulu Pauh. Majlis ini dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Majlis bersejarah ini telah disaksikan oleh seramai 20,000 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat. Pada sebelah malam pula para pelajar dipertontonkan pula dengan Malam Kebudayaan KUKUM sempena Ulangtahun Pertama KUKUM yang diadakan di tempat yang sama. Dua artis terkenal telah dijemput oleh pihak KUKUM iaitu Jamal Abdillah dan Siti Sarah.

Para pelajar juga didedahkan dengan program pengisian kerohanian. Forum Perdana Ehwal Islam telah diadakan dengan menjemput ahli-ahli panel yang terdiri daripada Y. Bhg. Dato' Alim Panglima Hj. Mat Jaya Hussin, Mufti Kerajaan Negeri Perlis, Y. Bhg. Dato' Mustafa Taib, Panel Pemikir Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan Malaysia, Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Faiz Abdul Hamid, Dekan Sekolah Pembangunan Sosial UUM dan Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Zaleha Muhamat, Pengetua Kolej Kediaman KUKUM. Tajuk yang dibincangkan ialah 'Kaedah dan Realiti Mencemerlangkan Mahasiswa'.

Kemuncak Minggu Suaikenal ialah Majlis Sambutan Siswa/i Baru dan Bacaan Ikrar yang telah diadakan di Dewan Matrikulasi Perlis. Yg. Bhg Rektor, pegawai-pegawai utama KUKUM dan ketua-ketua jabatan telah menghadiri majlis tersebut Minggu Suaikenal diakhiri dengan Malam Persembahan Kebudayaan Pelajar dan Penutup Minggu Mesra Pelajar yang memberi peluang kepada para pelajar menonjolkan bakat masing-masing yang sekian lama terpendam. Majlis penutup ini berjalan dengan jayanya dan secara sahnya pelajar baru telah menjadi keluarga KUKUM.



Oleh : Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah.